

Agensi amanah diminta bukti kemampuan

KUALA LUMPUR, Selasa — Agensi-agensi amanah dan perusahaan awam hendaklah mengurangkan pergantungan kepada kerajaan bagi membuktikan kemampuan pengurusan Bumiputera setelah diswastakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, agensi-agensi itu yang dipertanggungjawabkan masyarakat perlu meniaga Bumiputera, kini perlu menyesuaikan diri dengan dasar kerajaan meningkatkan tugas sektor swasta dalam pembangunan negara.

"Perubahan zaman dan desakan ekonomi antarabangsa memerlukan pengusaha Bumiputera, sama ada sebagai individu, syarikat mahupun agensi ditubuhkan membantu Bumiputera, tidak mengharapkan bantuan kerajaan," katanya.

Mereka perlu bersaing di pasaran dunia dan membantu menyelesaikan masalah negara seperti mendapatkan teknologi baru, mengadakan peluang kerja dan mendapat peluang pemasaran yang lebih besar di luar negeri.

Sekiranya ini dapat dilakukan, agensi-agensi itu dianggap berjaya, katanya ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Dasar Ekonomi Baru Selepas 1990 — Peranan Sektor Korporat Awam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

hak swasta agensi-agensi amanah yang gagal melaksanakan tugas mereka bagi memberi faedah kepada masyarakat dan bangsa.

Menyentuh pendirian kerajaan terhadap agensi amanah di masa akan datang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan mementingkan daya usaha individu bagi mewujudkan satu masyarakat perniagaan dan perusahaan Bumiputera.

Ini bermakna kerajaan tidak akan menggalakkan pemberian bantuan terus kepada mereka, katanya.

"Salah satu langkah bagi mewujudkan daya usaha individu ialah menswastakan perbadanan dan perkhidmatan tertentu yang berpotensi untuk disertai atau diambil alih oleh pengusaha Bumiputera," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga tidak akan tergesa-gesa melaksanakan dasar pengswastakan tanpa mengambil kira kesediaan Bumiputera untuk mengambil alihnya.

Perdana Menteri juga menerangkan hakmilik

Terbiar

Seminar itu dianjurkan oleh Gabungan Agensi-Ageni Amanah Bumiputera dan Perusahaan-Perusahaan Awam (Gemaputra). Turut hadir ialah Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz.

Perdana Menteri berkata, sektor korporat awam juga perlu berjuang menghapuskan 'dualisme' di dalam struktur ekonomi negara.

Katanya, masih ada perbezaan antara sistem ekonomi kota dan sektor industri dengan sistem ekonomi desa.

"Perbezaan ini terlalu ketara bagi perpaduan negara serta bagi pertumbuhan satu sistem ekonomi yang padu. Kita tidak mahu melihat desa-desa dan kampung tradisional terus terbiar, tanah ladang tidak diusahakan, nilai harta terus lembap dan beku," katanya.

Sebaliknya, ujar Datuk Seri Dr Mahathir, desa dan perkampungan perlu dijadikan pusat pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri meminta agensi-agensi amanah dan perusahaan awam jangan mencari bidang persaingan yang boleh merosakkan peluang peniaga dan usahawan tempatan, khususnya usahawan kecil Bumiputera.

"Pengurus-pengurus badan awam ini harus ingat bahawa ketika mereka mengurus agensi ini, mereka mendapat pengalaman yang tidak terhingga nilainya tanpa risiko yang dipikul oleh peniaga persendirian," katanya.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menutup atau menyerahkan kepada pi-

dan penguasaan Bumiputera jelas terdapat dalam sektor kewangan dan bank, sektor perladangan dan perlombongan.

Ditanya mengenai jawatankuasa mengkaji semula DEB, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu jawatankuasa khas itu ditubuhkan oleh Majlis Tertinggi Umno awal tahun ini.

Menurutnya, jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan lima orang menteri akan mengkaji pelbagai aspek mengenai kedudukan ekonomi Bumiputera sekarang dan di masa akan datang.

Lima menteri yang menganggotainya ialah Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz; Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah; Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim dan Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Setakat ini, jawatankuasa itu telah mengadakan dua mesyuarat.